

Mengukuhkan Penguasaan Kemahiran Kepimpinan Karismatik melalui LEADinU dalam Kalangan Ahli Majlis Tertinggi Kelab Debat dan Pengucapan Awam POLIKU

(Strengthening the Mastery of Charismatic Leadership Skills Among POLIKU Speech and Debate Club Executive Committee)

*BIBIE NEO¹, MARCUS KHO GEE WHAI², YING-LEH LING³

¹⁻²Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak

³Jabatan Matematik, Sains & Komputer, Politeknik Kuching Sarawak

Abstrak

Kemahiran kepimpinan yang berkesan dalam diri seseorang pelajar untuk memimpin rakan pelajar yang lain ke arah mencapai sesuatu visi dan misi adalah amat penting dan perlu dikembangkan. Kemahiran kepimpinan karismatik telah dikenal pasti sebagai nilai tambah yang amat penting dalam membentuk modal insan TVET yang menepati kehendak pasaran semasa kerana pemimpin yang mempunyai kemahiran kepimpinan karismatik akan memimpin pengikutnya ke arah menjayakan misi yang ditetapkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti kepimpinan karismatik dalam kalangan ahli Majlis Tertinggi Kelab Debat dan Pengucapan Awam POLIKU (KDPAP) sekaligus membantu mereka untuk mengembangkan potensi kepimpinan karismatik ke tahap maksima. Kajian tindakan melibatkan seramai sembilan orang ahli Majlis Tertinggi KDPAP. Kursus kepimpinan "LEADinU" telah dirancang dan dilaksanakan sebagai intervensi ke arah peningkatan kualiti kepimpinan dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, ahli Majlis Tertinggi KDPAP telah menunjukkan penguasaan pemahaman terhadap ciri-ciri kepimpinan karismatik dan berupaya mengaplikasikannya dalam pelaksanaan dan pengurusan aktiviti kelab.

Kata Kunci: Kepimpinan karismatik, ahli Majlis Tertinggi KDPAP

Abstract

Effective leadership skills in a student to lead other students towards achieving a vision and mission are very important and need to be developed. Charismatic leadership skills have been identified as a significant added value in shaping TVET human capital that meets the needs of the current market because a leader with charismatic leadership skills will lead his followers towards achieving the set mission. Thus, this study aims to improve the quality of charismatic leadership among the POLIKU Speech and Debate Club (KDPAP) executive committee and help them develop the potential of charismatic leadership to the maximum level. The action research involved a total of nine members of the KDPAP executive committee. The "LEADinU" leadership course has been planned and implemented to improve leadership quality among students. In conclusion, the KDPAP executive committee has demonstrated a mastery of understanding of the characteristics of charismatic leadership and the ability to apply them in the implementation and management of club activities.

Keywords: Charismatic leadership, KDPAP executive committee

Received: June 22, 2021; **Accepted:** August 20, 2021; **Published:** September 08, 2021

© 2021 PKS. All rights reserved.

* Corresponding author: bibie.n@poliku.edu.my

PENGENALAN

Kelab Debat dan Pengucapan Awam POLIKU (KDPAP) merupakan kelab yang telah ditubuhkan pada Januari 2016 bertujuan untuk memantapkan kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar. Melalui kelab ini, ahli-ahli diberi peluang untuk menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pelbagai program yang melibatkan aspek pengucapan awam. Ahli-ahli menjalani latihan secara mingguan bagi meningkatkan kemahiran pengucapan awam mereka sebagai persediaan untuk mereka menyediakan diri sebelum menyertai mana-mana pertandingan. Hal ini penting agar ahli yang akan mewakili Politeknik Kuching Sarawak (PKS) akan benar-benar bersedia untuk setiap pertandingan.

Selain itu, ahli di dalam KDPAP turut berpeluang untuk mengelolakan program-program pengucapan awam baik di peringkat institusi mahupun peringkat kebangsaan. Sejak penubuhannya, KDPAP telah menganjurkan dua program peringkat kebangsaan, masing-masing pada tahun 2018 (BELFest) dan tahun 2019 (Poly's Voice). Kedua-dua program ini telah diketuai oleh ahli Majlis Tertinggi KDPAP sebagai pengemudi setiap jawatankuasa untuk menjayakan program yang dirancang. Kemahiran kepimpinan karismatik dilihat sebagai ciri penting yang akan membantu ahli Majlis Tertinggi KDPAP untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam sesebuah jawatankuasa program. Mohd Sarham, Mohamed, dan Mohamad (2017) menegaskan kemahiran kepimpinan karismatik dikenal pasti sebagai amalan kepimpinan yang efektif dalam menyampaikan arahan dan sangat berpengaruh untuk memotivasikan setiap ahli sesebuah organisasi untuk menjayakan matlamat yang ingin direalisasikan.

Oleh itu, usaha membentuk dan melahirkan pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan karismatik amatlah penting agar graduan TVET yang akan dihasilkan bukan sahaja menyumbang kepakaran dan kemahiran mereka dalam bidang teknikal, malah akan turut menjadi pemimpin yang cekap, berkesan, serta mampu menggerakkan organisasi dengan efektif. Penyelidik percaya bahawa kecemerlangan dalam bidang akademik bukan lagi kayu pengukur tunggal dalam menentukan kejayaan dan keupayaan seseorang pelajar. Pelajar harus mempunyai nilai tambah yang positif untuk menjadi modal insan yang menggerakkan ekonomi negara ke arah pembangunan yang mampan. Maka, penguasaan kemahiran kepimpinan karismatik turut menjadi nilai tambah yang harus diterapkan dalam kalangan pelajar kita.

REFLEKSI PENGLIBATAN PROGRAM YANG LALU

Kemahiran kepimpinan karismatik merujuk kepada keupayaan pelajar sebagai pemimpin yang boleh membimbing dan menyampaikan matlamat kerja secara jelas dan melaksanakan program secara berkumpulan dengan bimbingan yang minima daripada pensyarah. Namun, para pensyarah sebagai penasihat kepada kelab berasa agak kecewa dengan tingkah laku yang ditunjukkan oleh ahli. Melalui beberapa program yang telah dilaksanakan sebelum ini seperti Pertandingan Debat Antara Jabatan Sesi Disember 2019 dan *Poly's Voice* 2019, kami telah mendapati tahap amalan kepimpinan karismatik pelajar masih berada pada tahap yang rendah dan sangat tidak memuaskan. Tahap kebergantungan pelajar kepada pensyarah adalah tinggi dalam hampir keseluruhan proses perancangan, persediaan, dan pelaksanaan program.

Oleh demikian, hasrat untuk membentuk sikap kepimpinan karismatik dalam kalangan ahli Majlis Tertinggi KDPAP masih sukar untuk direalisasikan kerana kesedaran akan kepentingan dan keperluan memiliki kemahiran kepimpinan karismatik masih rendah. Melalui pemerhatian penyelidik, kebanyakan ahli terlalu bergantung kepada arahan yang disampaikan oleh penasihat kelab dari semasa ke semasa. Mereka tidak mempunyai inisiatif untuk mengambil keputusan dan seterusnya tidak berani untuk mengambil risiko dengan membuat keputusan sendiri. Selain itu, ahli juga didapati kurang proaktif dalam

merancang dan menganjurkan program-program kelab. Ini jelas dilihat melalui idea penganjuran program adalah datang daripada penasihat kelab sendiri.

FOKUS KAJIAN

Penekanan penguasaan kepimpinan karismatik adalah atas kesedaran kumpulan penyelidik bahawa betapa pentingnya dalam membangunkan bakat kepimpinan dalam kalangan ahli majlis tertinggi kelab. Kami percaya pembangunan dan pengukuhan kemahiran karismatik akan berjaya melahirkan modal insan yang lebih berdedikasi, berkaliber, dan meningkatkan potensi pelajar bagi menjadi pemimpin berupaya mentransformasi kualiti organisasi kerja pada masa akan datang.

Masalah kritikal yang telah kami kenal pasti daripada tinjauan awal melalui refleksi yang dilakukan adalah ahli majlis tertinggi tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan baik sewaktu penganjuran program *Poly's Voice* 2019 walaupun tugas-tugas tersebut telah dibahagikan antara satu sama lain. Kami juga berfikir sama ada mereka masih tidak mampu berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap kali perbincangan dalam kumpulan dijalankan, penyertaan juga tidak memuaskan. Hanya dua atau tiga orang ahli yang sama sahaja memberi maklum balas terhadap persoalan yang telah dikemukakan. Kebanyakan ahli juga tidak berani membuat keputusan walaupun diberi kebenaran oleh penasihat kelab dan sentiasa menanti maklum balas oleh penasihat kelab.

Menurut Marcketti dan Kadolph (2010), untuk berjaya dalam sesuatu kerjaya di masa hadapan, individu memerlukan aspek kepimpinan seperti keupayaan untuk mencari dan mensintesis pelbagai sumber maklumat, mengurus diri, dan memperkasakan orang lain. Oleh itu, kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana amalan kepimpinan karismatik berkesan sebagai pemberi inspirasi dan mempengaruhi seluruh ahli sesebuah organisasi untuk merealisasikan matlamat organisasi (Putri, 2020). Kesimpulannya, ahli Majlis Tertinggi KDPAP perlu untuk dibentuk menjadi pemimpin yang mengamalkan kepimpinan karismatik agar matlamat kelab untuk menjadi kelab yang akan mengembangkan potensi pengucapan awam dalam kalangan pelajar PKS melalui penganjuran aktiviti-aktiviti seperti pertandingan pidato dan pertandingan debat dapat dijayakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Selari dengan Hala Tuju Transformasi Politeknik Malaysia ke arah kelestarian penghasilan modal insan negara yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran kerja semasa kelak, objektif umum kajian ini ialah untuk menggalakkan para pelajar menjadi pemimpin yang proaktif dan berkesan melalui amalan kepimpinan karismatik yang optimum sebagai salah satu nilai tambah kepada pembentukan modal insan TVET yang berkualiti dan berketerampilan. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran kepimpinan karismatik dalam kalangan ahli.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan sembilan orang peserta terdiri daripada ahli Majlis Tertinggi Kelab Debat dan Pengucapan Awam POLIKU. Majlis Tertinggi atau dalam Bahasa Inggeris, *Executive Committee* membawa maksud sekumpulan orang yang dilantik atau dipilih sebagai badan pembuat keputusan sesuatu organisasi (Lexico, 2021). Ahli-ahli Majlis Tertinggi ini telah dicalonkan oleh Mantan Majlis Tertinggi Kelab dan dipilih berdasarkan undi oleh ahli-ahli kelab lain dalam Mesyuarat Agung kelab.

METODOLOGI

Kajian tindakan ini telah dijalankan dengan menggunakan Ujian Pra, Ujian Pos, dan melaksanakan langkah intervensi sebagai cara untuk mengukuhkan dan menjelaskan ciri amalan kepimpinan karismatik yang sewajarnya kepada peserta yang terpilih.

UJIAN PRA DAN UJIAN POS

Ujian pra yang disediakan mengandungi 20 item berkaitan dengan konstruk di dalam amalan kepimpinan karismatik telah diedarkan kepada semua peserta. Sebanyak lima konstruk terkandung dalam ujian pra meliputi kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, semangat kekitaan, motivasi, dan kemahiran interpersonal. Setiap konstruk yang diuji mengandungi empat item. Ujian pra telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan Google Form. Semua peserta adalah diwajibkan untuk menjawab ujian pra tersebut sebelum berlangsungnya kursus intervensi yang dirancang. Bagi menjawab ujian ini, peserta telah dijangka meluangkan masa sebanyak 15 minit. Ujian pos telah diedarkan secara dalam talian kepada peserta selepas program intervensi dihadiri oleh peserta.

Jadual 1. Konstruk dan bilangan item

Bil	Konstruk	Item
1	Kerja berpasukan	1, 2, 3, 4
2	Kemahiran kepimpinan	5, 6, 7, 8
3	Semangat kekitaan	9, 10, 11, 12
4	Motivasi	13, 14, 15, 16
5	Kemahiran interpersonal	17, 18, 19, 20

PELAKSANAAN LANGKAH INTERVENSI – KURSUS KEPIMPINAN "LEADinU"

Kandungan kursus kepimpinan "LEADinU" ini telah dibangunkan melalui perbincangan antara penasihat KDPAP dengan penceramah, Cr. Dr. Ling Ying Leh serta pembacaan rujukan-rujukan seperti *Personal Student Leadership Assessment Questionnaire* (n.d) dan *Test Your Charismatic Leadership Potential with the Conger-Kanungo-Questionnaire* (n.d). Tajuk-tajuk kandungan kursus ialah "*Building Effective Networking And Relationships*", "*Leaders Vs Managers: Are They Really Different*", "*Sense Of Belonging In Teamwork*", "*Motivation Towards Teamwork*" dan "*Interpersonal Skills For Team Cohesion*". Tajuk-tajuk kandungan kursus ini dipilih selari dengan ciri-ciri kepimpinan karismatik iaitu gaya kepemimpinan yang menggabungkan daya tarikan, hubungan interpersonal, dan komunikasi persuasif untuk memotivasi orang lain. Pemimpin berkarisma dapat memotivasi dan menginspirasi pasukan mereka ke arah tujuan yang lebih besar dengan memanfaatkan emosi orang-orangnya, mewujudkan rasa percaya, semangat, dan tujuan yang lebih besar daripada diri mereka sendiri (BetterUp, 2021).

Kursus kepimpinan "LEADinU" dijalankan sebagai langkah intervensi untuk mendedahkan dan mengukuhkan kefahaman peserta terhadap amalan kepimpinan karismatik. Kursus kepimpinan ini dibahagikan kepada lima slot yang mencakupi konstruk di dalam kepimpinan karismatik seperti amalan kerja berpasukan, semangat kekitaan, kemahiran interpersonal, kepimpinan dan motivasi. Berikutan pandemik COVID-19, pelaksanaan kursus selama dua hari secara atas talian telah dirancang menggunakan Google Meet. Peserta wajib menghadirinya. Penyelidik mendapati penglibatan peserta berlaku secara aktif dan interaksi dua hala telah dilakukan walaupun secara atas talian. Melalui perkongsian penceramah, peserta telah mengambil peluang untuk bertanyakan soalan dan meminta penjelasan lanjut sekiranya kurang faham akan perkongsian yang disampaikan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis telah dilakukan terhadap respon yang diberikan oleh sembilan orang peserta di dalam Ujian Pra dan Ujian Pos. Dapatan yang dikumpul telah dipaparkan melalui Jadual 2 berkenaan respons peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus kepimpinan "LEADinU". Item 1 dan 3 bagi konstruk kerja berpasukan menunjukkan peningkatan yang paling tinggi selepas kursus kepimpinan "LEADinU". Hal ini membuktikan peserta telah mula menyedari akan kepentingan memberi inspirasi kepada ahli kelab dalam menjayakan sesuatu program dan faham bahawa seorang pemimpin harus menjadi pendengar yang baik.

Seterusnya, bagi konstruk semangat kekitaan pula, item 10 telah menunjukkan peningkatan paling ketara. Mereka telah mula berinteraksi sesama peserta dan saling menerima teguran untuk menambah baik kualiti peribadi mereka sebagai pemimpin. Salah seorang peserta, Anderson, menyatakan *"I do absorb some knowledge about never take blame on someone and just be silent and think straight forward ahead"*. Apabila berada dalam sesuatu pasukan, semangat kekitaan sangat penting agar semua pekerjaan dapat dilaksanakan dengan baik. Seorang pemimpin perlu menerima dengan baik setiap kritikan. Teguran atau komen yang diberi oleh ahli pasukan hendak dijadikan sebagai langkah untuk membaiki diri sebagai seorang pemimpin.

Seterusnya, item 15 bagi konstruk motivasi juga menunjukkan perkembangan yang positif. Peserta telah mula berhubung dan berkomunikasi dengan ahli-ahli kelab yang mempunyai masalah komitmen dan malas terlibat dalam sebarang program. Mereka menyedari seorang pemimpin perlu untuk merapati ahli yang bermasalah dan memberi dorongan untuk turut serta secara aktif dalam setiap program. Mereka juga mempelajari cara membuat pernyataan motivasi yang pendek dan bermakna. Misalnya, Daniel telah memberitahu bahawa *"Short yet meaningful and powerful! Slot ini mengajar saya menggunakan kaedah tersebut. Memberi motivasi kepada ahli-ahli yang lain dengan menggunakan ayat yang cukup ringkas serta mempunyai kepadatan"*.

Item 19 bagi konstruk kemahiran interpersonal juga turut meningkat. Setelah menyertai kursus kepimpinan "LEADinU", peserta telah bertambah yakin dengan keupayaan mereka memimpin di dalam kelab. Mereka sedar akan kebolehan yang ada pada diri mereka. Akhir sekali, bagi konstruk kemahiran kepimpinan pula, jelas terbukti bahawa daripada mula semua peserta tahu dan sedar akan perkara-perkara seperti keadilan, fleksibiliti, saling menghormati, dan kepentingan penyampaian maklumat. Ini jelas melalui perkongsiaan Maheswary bahawa *"I had learned about the importance of interpersonal skills. Interpersonal skills is very important to communicate with others. For example, we have to control our emotions and think before we react."* Sehubungan itu, Daniel turut menyokong dengan menyatakan "slot ini mengajar saya betapa pentingnya kemahiran interpersonal dalam diri dan dalam satu pasukan. Mengajar saya untuk berfikir sebelum bertindak".

Jadual 2. Bilangan yang menjawab 'Sangat Kerap' bagi setiap soalan dalam Ujian Pra dan Ujian Pos

Item	Soalan	Ujian Pra	Ujian Pos
1	Saya memberi inspirasi kepada exco lain untuk mencapai misi, visi dan objektif kelab.	1	4
2	Saya berkomunikasi dengan exco lain sebelum mengambil sebarang keputusan.	5	7
3	Saya saling mendengar dan menyokong idea satu sama lain.	4	7
4	Dalam situasi berkumpul saya secara amnya tahu bagaimana perasaan antara satu sama lain.	3	4
5	Saya adil dalam memimpin ahli kelab.	2	6

Jadual 2 (sambungan)

6	Saya memberi orang lain maklumat yang mereka perlukan untuk melakukan tugas mereka.	4	5
7	Saya melayan ahli-ahli kelab dengan hormat.	8	8
8	Saya mempamerkan fleksibiliti.	4	4
9	Saya mengenal pasti ahli yang ingin menyertai kelab ini.	4	4
10	Saya boleh memberi respon kepada ahli yang kecewa dengan saya atau orang lain di dalam kelab.	1	5
11	Saya menetapkan garis panduan bagaimana orang lain patut memperlakukan satu sama lain.	0	3
12	Saya merasakan rasa kekitaan di dalam kelab.	7	7
13	Saya mendorong ahli pasukan untuk bekerjasama.	6	7
14	Saya memotivasikan anggota baru untuk meningkatkan tahap keyakinan mereka terhadap kemahiran pengucapan awam.	4	6
15	Saya berurusan dengan ahli jawatankuasa yang mempunyai masalah prestasi seperti kurangnya komitmen dan kemalasan.	1	4
16	Saya bertindak balas terhadap situasi apabila kualiti kebajikan anggota merosot.	3	4
17	Semasa berkomunikasi dengan orang lain, saya memperhatikan isyarat bukan lisan - bahasa badan, ekspresi wajah dan gerak isyarat.	3	5
18	Saya membuat hubungan mata dengan orang lain semasa mendengar.	6	7
19	Saya yakin dengan kemahiran dan kebolehan yang ada.	2	6
20	Saya dapat mentafsirkan perasaan orang lain ketika saya berkomunikasi dengan mereka.	1	2

Selain itu, selepas pelaksanaan kursus kepimpinan "LEADinU", para peserta telah diminta menilai impak dan keberkesanan kursus tersebut terhadap pembangunan diri mereka. Secara keseluruhan, peserta telah menyambut baik kursus ini melalui respons yang sangat positif dan menggalakkan ke atas penyampaian yang telah diberikan. Dalam memastikan keberkesanan kursus ini, kandungan kursus termasuk slot dan latihan dalam kumpulan perlu terancang bagi memastikan objektif kursus adalah tercapai.

Jadual 3: Penilaian pelaksanaan kursus

Bil	Konstruk	Bil Setuju	Peratus	Bil Sangat Setuju	Peratus
1	Perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar.	1	10%	8	90%
2	Masa yang diperuntukkan bagi setiap modul adalah sesuai.	1	10%	8	90%
3	Peningkatan pengetahuan/pemahaman berbanding sebelum ini.	1	10%	8	90%
4	Pada keseluruhannya, kursus ini berjaya dan bermanfaat untuk diri saya.	1	10%	8	90%
5	Platform kursus dalam talian yang kondusif.	2	20%	7	80%
6	Lebih berkeyakinan untuk memimpin/menjalankan tugas berbanding sebelum ini.	2	20%	7	80%
7	Lebih ekstrovert dalam sesuatu hal.	2	20%	7	80%

Dapatan Jadual 3 pula menunjukkan dapatan yang positif yang mana 90% peserta amat bersetuju bahawa perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar. Seterusnya, 80% peserta bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan bagi setiap modul kursus adalah bersesuaian, pengetahuan/pemahaman peserta telah meningkat setelah

mengikuti kursus ini dan kursus ini adalah berjaya dan bermanfaat untuk diri mereka. Di samping itu, 30% peserta bersetuju bahawa platform kursus dalam talian yang digunakan iaitu *Google Meet* adalah kondusif. 30% peserta juga bersetuju bahawa mereka berasa lebih yakin untuk memimpin atau menjalankan tugas mereka berbanding sebelum ini. Selain itu, mereka juga berasa lebih ekstrovert dalam sesuatu perkara.

Jadual 4: Ulasan peserta

Bil	Konstruk	Bil	Peratus
1	Kesediaan dan berkeyakinan untuk berkongsi ilmu yang diperoleh kepada rakan-rakan dan mengesyorkan kursus kepimpinan ini kepada mereka.	9	100%

Secara keseluruhannya, kursus kepimpinan untuk Majlis Tertinggi Kelab Debat dan Pengucapan Awam ini atau LEADinU 2021 yang dilaksanakan telah mempengaruhi semua peserta (100%) untuk lebih yakin dan bersedia untuk berkongsi ilmu yang diperoleh dengan ahli-ahli kelab serta rakan-rakan lain.

REFLEKSI KAJIAN TINDAKAN

Modul kursus kepimpinan ini dibahagikan kepada lima tajuk utama iaitu (1) Membina rangkaian dan hubungan yang berkesan, (2) Pemimpin vs pengurus: Adakah mereka benar-benar berbeza?, (3) Rasa kekitaan dalam kerja berpasukan, (4) Motivasi ke arah kerja berpasukan dan (5) Kemahiran interpersonal untuk perpaduan pasukan.

Slot pertama iaitu "Membina rangkaian dan hubungan yang berkesan", para peserta menyatakan mereka telah mempelajari dan memahami adalah pentingnya masa dalam menyampaikan idea dan maklumat yang jelas dan bernas. Dalam slot ini, penceramah telah meminta peserta menyampaikan hujah mereka dalam 30 saat dan hujah harus mudah difahami. Tambahan pula, peserta juga mempelajari betapa pentingnya seseorang itu mempunyai keyakinan diri.

"Pemimpin VS Pengurus: Adakah mereka benar-benar berbeza?" merupakan slot kedua dan para peserta mendapati slot ini sangat menarik kerana mereka telah mempelajari tentang perbezaan antara seorang pengurus dan pemimpin. Selain itu, mereka juga dapat mengenal pasti peranan yang lebih sesuai untuk diri mereka setelah mengetahui ciri-ciri pengurus atau pemimpin yang telah diperkenalkan.

Slot ketiga pula iaitu "Rasa kekitaan dalam kerja berpasukan", para peserta menyatakan bahawa slot ini telah mengajar mereka untuk menjadi seorang ahli kumpulan yang baik. Mereka berpendapat bahawa untuk bekerja dalam kumpulan, kerjasama dan saling menghormati antara pasukan adalah penting kerana ianya boleh membantu kumpulan untuk mencapai objektif dan sasaran seperti yang dirancang. Kerjasama antara kumpulan boleh menjimatkan masa dan menjadikan hasil kerja adalah produktif. Peserta juga memahami maksud rasa kekitaan dalam kumpulan, iaitu dengan mendapatkan kepercayaan dari ahli kumpulan, mengembangkan hubungan yang positif dan sihat, mewujudkan impak positif dengan tidak menilai org lain melalui rupa, bangsa dan agama.

Bagi memupuk kerjasama berpasukan, slot seterusnya iaitu "Motivasi ke arah kerja berpasukan" telah dirancang. Para peserta menyatakan mereka telah mempelajari cara terbaik untuk memotivasikan kumpulan dan belajar membina kata-kata motivasi yang boleh meningkatkan semangat ahli kumpulan secara ringkas tetapi padat.

Manakala slot terakhir iaitu "Kemahiran interpersonal untuk perpaduan pasukan", peserta berpeluang untuk belajar tentang betapa pentingnya memiliki kumpulan dan pasukan dengan pelbagai kemahiran interpersonal. Mereka selaku majlis tertinggi kelab dapat saling membantu dan saling melengkapi dan itulah tujuan pasukan. Para peserta juga

berpendapat bahawa sebagai salah seorang pemimpin, adalah mustahak untuk memiliki kemahiran sedemikian sehingga mereka sebenarnya dapat menjadi pemimpin yang hebat dan dapat memimpin pasukan untuk maju. Para peserta juga menyatakan mereka telah mempelajari tentang kepentingan hubungan mata dan kawalan emosi dalam sesuatu komunikasi.

KESIMPULAN

Ahli Majlis Tertinggi KDPAP telah menunjukkan peningkatan yang memuaskan setelah mengikuti kursus kepimpinan "LEADinU". Secara keseluruhannya, peserta telah faham dan tahu akan asas utama bagi seorang pemimpin yang mengamalkan kepimpinan karismatik seperti saling menghormati, bersikap adil, mempunyai fleksibiliti, dan sentiasa menyalurkan atau berkongsi maklumat sesama ahli. Kursus kepimpinan "LEADinU" telah menambah baik lagi pengetahuan sedia ada mereka dan menjadikan mereka lebih menyelami dan memahami amalan kepimpinan karismatik.

Sesungguhnya, adalah lebih baik jika semua ahli Majlis Tertinggi KDPAP yang dilantik pada setiap sesi diberikan kursus seperti "LEADinU" untuk membantu mereka mengenali perwatakan dan keupayaan mereka masing-masing. Setiap ahli Majlis Tertinggi juga perlu sentiasa diberi peluang untuk menjadi ketua bagi program tertentu agar mereka dapat menimba ilmu dan pengalaman seterusnya memperbaiki diri mereka. Mereka awajar diberikan ruang dan peluang untuk mempamerkan keupayaan mereka agar lebih baik dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- American Psychological Association. (2010). *Mastering APA style: Student's workbook and training guide* (6th ed.). Washington, DC: American Psychological Association.
- BetterUp. (2021). *Charismatic leadership*. Retrieved from <https://www.betterup.com/blog/charismatic-leadership>
- Cogner, J. A. & Kanungo, R. N. (2011). Toward a behavioral theory of charismatic leadership in organizational settings. *Academy of Management Review*, 12, 637-647.
- Lexico (2021). *Definition of EXCO by Oxford Dictionary*. Retrieved from <https://www.lexico.com/definition/exco>
- Marcketti, S. B., & Kadolph, S. J. (2010). Empowering student leadership beliefs: An exploratory study. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 22(2), 131.
- Mohd Sarkam, M. K. A., Mohamed, H. A. B., & Mohamad, M. H. (2017). Keberkesanan kepimpinan berkarisma melalui aspek jasmani dan rohani yang patuh syariah dalam kalangan pelajar universiti. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 3(1), 67-84.
- Murgaya, T. S., & Hamid, A. H. A. (2020). Kepimpinan karismatik pentadbir dan hubungannya terhadap motivasi guru sekolah rendah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 415-429.